

## Sumbangan Haji Muhammad bin Ahmad Al Kelantani (1887-1967m) dalam Bidang Pengajian al-Quran

Ahmad Najib Abdullah<sup>1</sup>  
Muhamad Zul Ikhwan Zahari<sup>2</sup>

### ABSTRAK

*Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani merupakan salah seorang tokoh ulama negeri Kelantan yang giat mengembangkan ilmu-ilmu al-Quran selepas kembali dari menuntut ilmu di Mekah. Kecintaan beliau kepada ilmu mendorong beliau melanjutkan pengajian di luar negara. Kitab Muqaddimah al-Mubtadi fi Tajwid al-Quran adalah sebuah karya beliau untuk mempersembahkan kepada masyarakat mengenai ilmu tajwid dan ilmu qiraat. Kajian ini bertujuan memperkenalkan Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani dan karya beliau, kitab Muqaddimah al-Mubtadi fi Tajwid al-Quran, serta mengkaji metodologi yang digunakan dalam penulisan kitab tersebut. Kaedah-kaedah ilmu tajwid yang beliau persembahkan juga akan dianalisis sebagai hasil kajian. Antara kaedah yang beliau bahaskan adalah hukum nun sakinah dan tanwin, makharij al-huruf, al-mad wa al-qasr dan al-waqf wa al-ibtida'. Penulis menggunakan metodologi penyelidikan perpustakaan dan lapangan yang melibatkan metod historis, dokumentasi dan temubual demi mencapai objektif yang telah digariskan. Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi sumbangan dalam bidang pengajian al-Quran. Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani merupakan seorang tokoh yang banyak berjasa semasa hayatnya dan diharapkan agar usaha beliau dicontohi dan diteruskan oleh umat Islam di Malaysia dalam memberi kefahaman tentang ilmu al-Quran.*

**Kata kunci:** *Haji Muhammad al-Kelantani, Sumbangan Haji Muhammad al-Kelantani, bidang pengajian al-Quran*

### PENDAHULUAN

Bidang pengajian al-Quran adalah suatu bidang yang menjadi asas dalam penguasaan ilmu-ilmu Islam kerana al-Quran merupakan asas pegangan dan rujukan seluruh umat Islam. Para ulama yang berkecimpung dalam bidang pengajian al-Quran sudah semestinya mahir dalam

<sup>1</sup> Ahmad Najib Abdullah, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.

<sup>2</sup> Muhamad Zul Ikhwan Zahari, adalah calon Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel : [zulikhwanzahari@siswa.um.edu.my](mailto:zulikhwanzahari@siswa.um.edu.my)

ulum al-Quran, qiraat, tajwid, tafsir dan manhaj ahli-ahli tafsir. Di samping itu, penguasaan dalam ilmu aqidah, hadis dan sejarah juga membantu dalam penguasaan ilmu pengajian al-Quran. Usaha dan kegigihan para ulama dalam menyebarkan ilmu pengajian al-Quran kepada masyarakat sewajarnya dijadikan teladan sebagai penyuntik semangat kepada generasi masa kini demi memartabatkan ilmu al-Quran di persadanya yang sepatutnya.

Artikel ini akan memperkenalkan seorang tokoh ulama dalam bidang pengajian al-Quran iaitu Haji Muhammad Bin Ahmad al-Kelantani (1887-1967M) yang telah menabur jasa yang sangat besar kepada bidang pengajian al-Quran terutamanya di negeri Kelantan. Sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau tidak terbatas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sahaja, bahkan turut meliputi bidang penulisan menerusi karya yang dihasilkan dalam ilmu tersebut. Ketokohan yang ada pada Haji Muhammad telah mendapat pengiktirafan dan sanjungan daripada pelbagai pihak termasuk dalam kalangan para ulama sezaman dengan beliau dan beliau diiktiraf hingga ke hari ini. Amat wajar jika penulis menobatkan beliau merupakan seorang tokoh yang sangat gigih dalam memartabatkan ilmu tajwid dan qiraat dan amat sukar mencari ganti tokoh seperti beliau.

## LATARBELAKANG KELUARGA

Nama beliau adalah Haji Muhammad Bin Lebai Ahmad Bin Kweng Enche Mohd Yatim atau dikenali sebagai Haji Muhammad Bin Ahmad al-Kelantani. Beliau dikenali juga dengan panggilan Pak Cu Haji Mat bin Tok Kweng Mat Yatim<sup>3</sup>. Beliau lebih popular dalam kalangan masyarakat tempatan dan luar dengan gelaran Tok Guru Haji Mat Pintu Geng kerana dinisbahkan kepada sebuah kampung yang bernama Kampung Pintu Geng yang merupakan tempat beliau dilahirkan dan juga merupakan tempat beliau membuka pondok pengajian serta mencurahkan ilmu semasa hayat beliau.

Haji Muhammad dilahirkan pada tahun 1305 hijrah bersamaan 1887 masihi pada malam Jumaat di Kampung Paloh, Pintu Geng Kota Bharu Kelantan<sup>4</sup>. Ayahanda beliau iaitu Lebai Ahmad Bin Kweng Enche Mohd Yatim berasal daripada negeri Kelantan manakala ibu beliau iaitu Siti Aminah Binti Wan Abu Bakar adalah berasal daripada Pattani, Thailand dan merupakan keturunan dari Pulau Sumbawa, Jawa, Indonesia<sup>5</sup>.

Ayahanda Haji Muhammad iaitu Lebai Ahmad telah meninggal dunia di Kota Makkah pada musim haji semasa beliau baru berusia tujuh tahun manakala ibu beliau pula meninggal dunia ketika beliau berusia sepuluh tahun. Haji Muhammad merupakan satu-satunya anak kepada pasangan Lebai Ahmad dan Siti Aminah. Berdasarkan catatan yang telah ditulis oleh cucu Haji Muhammad iaitu Ustaz Rahimi Mahmood yang memperolehi maklumat secara langsung daripada bonda beliau sendiri iaitu Hajjah Zainab Binti Haji Muhammad, selepas kedua ibu bapa Haji Muhammad meninggal dunia, beliau berada dibawah jagaan kakak dan abang ipar beliau iaitu Che Halus Binti Lebai Ahmad dan Wak Saman Bin Haji Senik.

Sepanjang Haji Muhammad berada dibawah jagaan mereka berdua, Haji Muhammad diberi pendidikan agama yang mantap dan dijaga dengan baik bagai menatang minyak yang penuh. Mereka berdua juga yang menanggung segala perbelanjaan pengajian dan kos sara hidup Haji Muhammad semasa beliau menuntut di Pondok Banggol. Namun begitu, terdapat percanggahan maklumat jika dirujuk kepada buku *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, penulis buku tersebut iaitu Ismail Che Daud menyatakan bahawa Haji Muhammad berada

---

<sup>3</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996) 173.

<sup>4</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 246.

<sup>5</sup> Muhammad Bin Ahmad, catatan tulisan tangan yang disimpan oleh cucu Haji Muhammad iaitu Ustaz Zainuddin bin Mahmood

dibawah jagaan sepupu beliau yang bernama Halimah. Hal ini berdasarkan wawancara penulis buku tersebut dengan anak Haji Muhammad iaitu Haji Abdul Rahman Bin Haji Muhammad di Pintu Geng pada 5 september 1982 masihi.

### KEKELUARGAAN

Setelah Haji Muhammad kembali daripada Kota Mekah pada tahun 1331 hijrah, beliau telah dijodohkan Hajjah Lijah binti Yahya. Hajjah Lijah binti Yahya adalah merupakan anak saudara kepada Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota. Mereka berdua diijabkabulkan pada hari Khamis 4 Sya'ban 1331 bersamaan 10 Julai 1913 masihi<sup>6</sup>. Hasil perkahwinan Haji Muhammad dan Hajjah Lijah, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata iaitu empat orang lelaki dan seorang perempuan. Anak-anak Haji Muhammad adalah :

1. Haji Ibrahim bin Haji Muhammad (1914-1946M)
2. Haji Daud bin Haji Muhammad (1919-1993M)
3. Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad (1924-1990M)
4. Hajjah Zainab binti Haji Muhammad (1929-2004M)
5. Abdullah bin Haji Muhammad (1934-1936M)

### PENDIDIKAN

Haji Muhammad telah menerima pendidikan awal dalam bidang al-Quran semasa beliau masih kecil daripada Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota yang merupakan seorang yang alim dalam bidang ilmu al-Quran, ilmu fiqh, ilmu nahu, ilmu usul dan pelbagai lagi lapangan bidang ilmu yang lain. Haji Muhammad menuntut dan mendalami ilmu-ilmu daripada Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota di rumah Tuan Guru Haji Idris kerana Tuan Guru Haji Idris tinggal tidak jauh dari rumah beliau yang mana jarak rumahnya hanya kira-kira satu per dua batu sahaja. Hal ini memudahkan beliau dalam proses menerima pendidikan secara terus daripada Tuan Guru Haji Idris dalam bidang al-Quran dan ilmu-ilmu lain<sup>7</sup>.

Tradisi pengajian dalam masyarakat Melayu pada ketika itu adalah seolah-olah tidak lengkap ilmu seseorang sekiranya tidak menyambung pengajian mereka di Tanah Suci Mekah. Setelah Haji Muhammad menamatkan pengajian al-Quran dan kitab-kitab dengan Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota, pada tanggal 4 Sya'ban 1329 hijrah bersamaan 30 Julai 1911 masihi beliau telah berangkat ke tanah suci Mekah pada usia 22 tahun<sup>8</sup>. Menurut Ismail Che Daud, beliau menyatakan bahawa Haji Muhammad menuntut ilmu di Kota Mekah selama lima tahun<sup>9</sup> manakala berdasarkan satu catatan yang telah ditulis oleh cucu Haji Muhammad, beliau menuntut ilmu di Kota Mekah selama tiga kali haji (tiga tahun)<sup>10</sup>.

Semasa menuntut ilmu di Kota Mekah, Haji Muhammad berguru dengan para ulama yang terkenal seperti al-Syeikh Abdullah bin Muhammad Kassim al-Fiqhi al-Sanquri yang terkenal dengan gelaran Tok Senggora. Tok Senggora adalah merupakan seorang tokoh yang sangat alim dan dikenali di Mekah dalam bidang ilmu qiraat dan ilmu tafsir al-Quran.

Selain itu, guru Haji Muhammad yang sangat banyak mempengaruhi aliran pemikiran beliau semasa berada di Mekah adalah Tuan Guru Haji Omar Kota yang merupakan tokoh *qurra'* dan guru al-Quran sezaman dengan Tok Senggora di Mekah. Beliau adalah Tuan Guru

<sup>6</sup> Ismail Haji Awang, *Majalah Pengasuh*, Bil. 473, November-Disember 1984, 45.

<sup>7</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 246.

<sup>8</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 246.

<sup>9</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 247.

<sup>10</sup> Zainuddin bin Mahmood (cucu Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani ) dalam temubual dengan penulis di kediaman beliau di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu, 25 Mei 2013.

Haji Omar bin Haji Mutalib dan dikenali dengan panggilan Haji Umar Pak Lib. Nama Tuan Guru Haji Omar sedikit tenggelam berbanding dengan kemasyhuran nama Tok Senggora. Berbeza dengan Tok Senggora yang terus bermukim di Mekah, Tuan Guru Haji Omar Kota pula memilih untuk menetap di kampung halamannya tetapi meninggal dunia tidak lama selepas pulang iaitu pada hari Jumaat 6 Sya'ban 1336 hijrah bersamaan 17 Mei 1918 masihi<sup>11</sup>.

### MURID-MURID

Sepanjang hayat Haji Muhammad dalam mencurahkan ilmu kepada masyarakat, beliau telah melahirkan ramai tokoh-tokoh masyarakat dan juga terdapat dikalangan mereka yang turut menyambung perjuangan dalam memartabatkan al-Quran seperti yang ditinggalkan Haji Muhammad. Antara murid-murid beliau yang terkenal adalah :

1. Haji Daud bin Haji Muhammad, Imam Mukim Pintu Geng
2. Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad
3. Hajjah Zainab binti Haji Muhammad
4. Haji Harun Ahmad, Imam Pulau Panjang
5. Haji Ibrahim bin Haji Harun, Bunut Payong
6. Haji Md. Salleh Haji Hassan, Bechah Peleting, Tanah Merah
7. Haji Mat Haji Samat, Imam Tua Kok Lanas
8. Haji Said bin Yusuf, Guchil, Kuala Krai.

### MAZHAB

Dalam perbahasan dan ilmu fiqh, Haji Muhammad berpegang dengan Mazhab Syafie manakala dalam perkara akidah pula beliau berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Haji Muhammad bukan sahaja berpegang dan mengamalkan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan Mazhab Syafie, bahkan beliau turut menjadi rujukan masyarakat dalam permasalahan dan persoalan agama serta kehidupan yang dijawab mengikut pegangan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan Mazhab Syafie<sup>12</sup>. Haji Muhammad juga turut mengajar ilmu fiqh berdasarkan fiqh mazhab Imam Syafie. Antara kitab fiqh mazhab Syafie yang diajarkan di pondok oleh Haji Muhammad adalah kitab *Matla' al-Badrayn*.<sup>13</sup>

### MENINGGAL DUNIA

Haji Muhammad telah kembali ke rahmatullah pada hari Selasa 10 Ramadhan 1387 hijrah bersamaan 12 Disember 1967 masihi pada jam 8.53 minit pagi. Beliau pada ketika itu telah menjangkau usia 80 tahun. Pengurusan jenazah dan proses pengebumian Haji Muhammad adalah sangat mudah cepat kerana jenazah beliau selamat dikebumikan pada hari yang sama pada jam 3.50 petang di Tanah Perkuburan Chengal, Mukim Pintu Geng, Kota Bharu Kelantan.

Ketika meninggal dunia, Haji Muhammad meninggalkan seorang isteri dan tiga orang anak. Anak beliau, Haji Daud Bin Haji Muhammad adalah merupakan imam tua di masjid Mukim Pintu Geng menggantinya ayahandanya Haji Muhammad yang sudah mula uzur. Haji Daud dilantik menjadi imam tua bermula 7 Julai 1951 hingga 29 Julai 1982 masihi manakala Haji Abdul Rahman Bin Haji Muhammad yang merupakan saudara kandung Haji Daud pula bertindak sebagai bilal masjid sejak 19 Februari 1967 hingga 1 Januari 1997 masihi. Disamping

---

<sup>11</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 523.

<sup>12</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 523.

<sup>13</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, 523.

menjadi imam di masjid mukim Pintu Geng, Haji Daud juga menyambung tradisi pengajian yang ditinggalkan oleh ayahanda beliau dengan mengajar ilmu al-Quran dan mengajar kitab-kitab. Seorang lagi anak Haji Muhammad yang merupakan satu-satunya anak perempuan beliau iaitu Hajjah Zainab Binti Haji Muhammad merupakan seorang guru al-Quran yang mengajar al-Quran hingga akhir hayat beliau. Isteri Haji Muhammad pula, iaitu Hajjah Lijah Binti Yahya pula meninggal dunia pada 22 Mac 1973 pada usia 71 tahun. Semasa hayat isteri Haji Muhammad, beliau juga merupakan seorang guru al-Quran.

## KEISTIMEWAAN HAJI MUHAMMAD

Berdasarkan penelitian yang penulis telah lakukan terhadap biografi Haji Muhammad melalui kajian perpustakaan dan temuramah, penulis mendapati Haji Muhammad memiliki banyak keistimewaan. Keistimewaan-keistimewaan tersebut ialah :

### 1. Ketinggian Ilmu Pengetahuan

Haji Muhammad merupakan salah seorang tokoh ulama yang alim dan mempunyai ilmu pengetahuan tinggi di negeri Kelantan. Semenjak pada usia muda lagi, beliau amat tekun dan gigih menimba ilmu pengetahuan daripada para alim ulama pada zamannya. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang yang rajin membaca dan dapat menguasai banyak bidang ilmu pengetahuan. Maka tidak hairanlah ketika dalam usia yang muda lagi beliau telah melanjutkan pengajian ke Mekah. Usia beliau banyak dimanfaatkan dengan mendalami dan mengajarkan ilmu agama khususnya ilmu al-Quran yang menjadikan beliau terkenal kerana penguasaan beliau dalam bidang tajwid al-Quran, ilmu qiraat, tarannum dan pelbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan al-Quran.

Selain berpengetahuan yang luas dalam bidang al-Quran, Haji Muhammad juga berpengetahuan luas dalam bidang bahasa arab, bidang syariah dan bidang usuluddin sehingga beliau menjadi rujukan masyarakat setempat dalam pelbagai permasalahan dan persoalan agama. Namun begitu, nama Haji Muhammad sedikit tenggelam dan malap dalam kalangan bintang para ulama dalam bidang syariah dan usuluddin kerana terdapat ramai ulama yang lebih masyhur dan lebih terkenal pada zaman tersebut.

### 2. Kewarakan

Selain daripada itu, Haji Muhammad juga adalah seorang yang alim dan pada masa yang sama beliau mengamalkan segala ilmu yang tersimpan dalam dadanya. Beliau merupakan seorang yang sangat berpegang teguh terhadap ajaran Islam. Hal ini jelas dilihat dalam kehidupan seharian beliau yang sentiasa selari dengan sunnah Rasulullah s.a.w seperti beliau sentiasa memakai serban sama ada semasa mengajar mahupun semasa melakukan aktiviti seharian<sup>14</sup>.

Haji Muhammad sangat menjaga personaliti dan penampilan beliau sebagai seorang guru al-Quran sehingga dalam hal berpakaian juga amat dititikberatkan oleh beliau. Penampilan yang ditonjolkan oleh beliau juga adalah sangat sederhana dalam segala hal. Beliau gemar memakai baju Melayu yang dipadankan dengan kain sarung pelikat dan tidak pernah meninggalkan pemakaian serban di kepala beliau<sup>15</sup>. Sikap beliau yang sangat prihatin terhadap para pelajar dan juga masyarakat menjadikan beliau sangat mudah didampingi oleh sesiapa sahaja.

---

<sup>14</sup> Che Yusuf Abdul Rahman (murid kanan Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani ) dalam temubual dengan penulis di kediaman beliau di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu, 8 Jun 2013.

<sup>15</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

Haji Muhammad juga merupakan seorang yang sangat menjaga adab dan tata tertib sebagai seorang guru di pondok yang juga merupakan seorang guru yang mengajar ilmu al-Quran.

### 3. Keprihatinan dan ketegasan

Keprihatinan dan sikap tegas yang ada pada seseorang guru adalah merupakan perkara utama dalam memastikan para penuntut menguasai setiap perkara yang diajarkan. Sikap beliau yang sangat mesra dengan para pelajar dan masyarakat menjadikan beliau sangat mudah didampingi oleh para pelajar sekalipun diluar waktu sesi pembelajaran. Haji Muhammad merupakan seorang guru yang lemah lembut namun terdapat ketegasan disebalik kelembutan yang ditunjukkan oleh beliau. Beliau juga sangat prihatin terhadap para penuntut di pondok beliau sehingga beliau sering berjalan-jalan pada waktu malam dan dinihari bagi memastikan apa yang sedang dilakukan oleh para penuntut di pondok beliau samada sedang tidur atau sedang membaca al-Quran dan menelaah kitab-kitab<sup>16</sup>.

Apa yang lebih menarik adalah, sikap beliau ketika mengajar menjadi antara faktor utama para penuntut memilih untuk belajar dengan beliau. Sikap yang mesra pelajar, lemah lembut dan tidak terlalu tegas semasa mengajar menyebabkan beliau disayangi oleh penuntut ilmu di pondok dan disayangi oleh masyarakat. Menurut murid kanan Haji Muhammad iaitu Haji Che Yusuf bin Abdul Rahman, Haji Muhammad pernah menemani beliau ketika tidur di dalam pondok sewaktu beliau menuntut ilmu dengan Haji Muhammad.<sup>17</sup>

### 4. Kegigihan

Haji Muhammad merupakan seorang guru yang sangat gigih dalam menyampaikan ilmu. Kesungguhan dan kegigihan beliau dalam menyebarkan ilmu terutamanya ilmu al-Quran dapat dilihat pada usaha beliau yang baru sahaja menjejakkan kaki di kampung halaman, beliau terus mencurahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat. Selain itu, beliau juga turut mengarang kitab yang digunakan sebagai subjek utama pengajian di pondok pengajian beliau. Sesuatu yang sangat mengagumkan adalah beliau mencetak kitab-kitab dengan segala kos percetakan ditanggung oleh beliau sendiri dan kitab-kitab tersebut diberikan kepada murid-murid yang menuntut ilmu dengan beliau<sup>18</sup>. Pondok pengajian yang beliau bangunkan di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu Kelantan juga dibina atas usaha gigih beliau yang tidak pernah kenal penat dan lelah dalam memartabatkan ilmu al-Quran.

Pengajian agama di institusi pondok telah mengalami kemerosotan akibat daripada penjajahan Jepun pada tahun 1941 hingga tahun 1945 namun pada awal tahun 1950an pengajian pondok mula mendapat perhatian masyarakat<sup>19</sup>. Haji Muhammad gigih berusaha untuk membangunkan semula pondok pengajian yang beliau dirikan di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu selepas pondok beliau juga turut mengalami masalah dan melalui zaman kemerosotan ketika pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu.

## SUMBANGAN HAJI MUHAMMAD

Perbincangan mengenai sumbangan Haji Muhammad adalah dengan meneliti kepada setiap sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau terutama dalam menyebarkan ilmu agama. Ia

---

<sup>16</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

<sup>17</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

<sup>18</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

<sup>19</sup> Ismail Mat & Ismail Bakar, "*Pengajian Agama Di Institusi Pondok Di Malaysia*", (Bangi : Kertas Kerja Kongres Pendidikan Islam Malaysia, Fakulti Pengajian Islam UKM, 1993)

merangkumi sumbangan dalam pengajian al-Quran yang menjadi keutamaan kepada kajian penulis, usaha-usaha yang dilakukan sama ada dalam bentuk mendirikan pusat pengajian pondok, mewujudkan kelas pengajian dan karya-karya pernah dihasilkan oleh beliau.

### **1. Sumbangan Dalam Pengajian Al-Quran**

Haji Muhammad adalah merupakan seorang ulama yang sangat banyak mencurahkan bakti dan sumbangan terutama dalam bidang pengajian ilmu al-Quran dan kemasyarakatan. Sekembalinya beliau daripada menuntut ilmu di bumi Mekah pada kira-kira tahun 1331 hijrah, beliau terus menyumbangkan tenaga dalam menyebarkan ilmu al-Quran. Beliau mula mengajar al-Quran dan kitab-kitab di rumah abang ipar beliau iaitu Wan Saman di Kampung Tebing Paloh. Setelah beberapa tahun mengajar di rumah abang ipar beliau, pada hari Sabtu iaitu 10 Rabi'ulakhir 1338 hijrah bersamaan 2 Januari 1920 masihi beliau telah berpindah ke rumah beliau sendiri iaitu di Kampung Pintu Geng. Di sana, beliau mendirikan sebuah balaisah (madrasah) yang dijadikan sebagai tempat beliau mencurahkan ilmu<sup>20</sup>.

### **2. Mendirikan Pondok**

Pada tahun 1340 hijrah bersamaan 1922 masihi, Haji Muhammad telah mula membuka operasi pondok pengajian beliau sendiri di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu. Pondok ini dibina dengan asas utama sebuah balaisah yang didirikan oleh beliau sebagai tempat mengajar dan beberapa buah pondok yang menjadi tempat tinggal para pelajar beliau pada peringkat awal penubuhan pondok tersebut. Perkembangan pondok ini melangkah maju dengan cepat kerana Haji Muhammad mempunyai kepakaran mengajar dalam bahasa melayu dan bahasa arab disamping beliau telah pun memiliki ramai murid semasa membuka pengajian di rumah abang ipar beliau selama beberapa tahun.

Kemajuan pesat pondok beliau juga turut dipengaruhi oleh suatu kelebihan yang terdapat di pondok beliau yang mengajarkan ilmu khusus tentang al-Quran dan qiraat disamping mengajar kitab-kitab turath dalam pengajian agama. Hal ini menjadikan pondok beliau sedikit berbeza dengan pusat-pusat pengajian pondok yang ada pada ketika itu kerana kebanyakan guru pondok mengajar kitab sahaja tanpa mengajar ilmu khusus tentang al-Quran dan ilmu qiraat<sup>21</sup>.

Rutinnya, Haji Muhammad mengajar al-Quran selepas solat zohor sehingga masuk waktu Asar pada setiap hari kecuali hari Jumaat. Haji Muhammad semakin dikenali dikalangan para penuntut ilmu dan masyarakat kerana beliau terkenal sebagai guru dalam ilmu qiraat al-Quran. Oleh kerana kemasyhuran nama beliau sebagai seorang guru qiraat al-Quran, ramai para penuntut ilmu al-Quran yang datang menuntut di pondok beliau untuk mendalami ilmu al-Quran.

### **3. Kaedah Pengajaran Al Quran Haji Muhammad**

Haji Muhammad mencurahkan bakti dalam mengajar selama lebih empat puluh tahun yang bermula setelah beliau kembali dari bumi Mekah. Pengajaran beliau terus berkembang sehingga beliau mendirikan pondok sebagai pusat pengajian di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu. Pondok beliau menerima ramai penuntut dari seluruh negeri Kelantan dan terdapat juga dalam kalangan penuntut yang datang dari Terengganu, Johor, Pahang dan Kedah.

Haji Muhammad merupakan seorang ulama yang terkenal dengan kepakaran beliau dalam bidang ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran sehingga beliau mendapat penghormatan dan jempunan khas daripada Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payong

---

<sup>20</sup> *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, 101.

<sup>21</sup> Ismail Haji Awang, *Majalah Pengasuh*, 45.

untuk menjadi ‘syeikh’ pada setiap kali majlis khatam al-Quran yang dilakukan secara beramai-ramai di Pondok Bunut Payong. Haji Muhammad dipilih oleh Tuan Guru Haji Abdullah kerana kepakaran serta ketinggian ilmu yang dimiliki oleh beliau dalam bidang al-Quran dan beliau juga mempunyai suara yang merdu dan lunak dalam mengalunkan bacaan ayat-ayat al-Quran menggunakan lagu-lagu yang tertentu seperti lagu *bayyati*, *nahawand*, *rast* dan lain-lain<sup>22</sup>.

Selain itu juga, terdapat ramai dikalangan para penuntut pondok dari Pondok Bunut Payong dan beberapa pondok lain yang datang ke pondok Haji Muhammad semata-mata mahu mendalami ilmu al-Quran daripada beliau. Pengajaran Haji Muhammad di pondok beliau tidak hanya tertumpu kepada bidang pengajian al-Quran sahaja, bahkan beliau juga turut mengajar kitab-kitab fiqh seperti kitab *Matla' Badrain*, Kitab *Sullam* dalam ilmu mantiq, kitab *Siraj al-Qari* dalam bidang tajwid al-Quran, kitab *Fath al-Manan Fi Hadith Afdhal Walada 'Adnan* dan kitab-kitab lain lagi seperti kitab dalam ilmu aqidah dan tasawuf kepada para penuntut dipondok beliau.

Haji Muhammad adalah merupakan seorang tokoh guru pondok yang memiliki metode yang tersendiri dalam pengajaran dan beliau juga memiliki beberapa kelainan yang tersendiri berbanding ulama-ulama lain yang sezaman dengan beliau terutamanya melibatkan metod beliau dalam mengajar ilmu al-Quran. Antara kelainan yang diperkenalkan oleh Haji Muhammad dalam metod pengajian dan pengajaran al-Quran adalah beliau mengajar pembacaan al-Quran secara teori mengikut kaedah-kaedah ilmu tajwid secara praktikal dengan mengajar al-Quran dengan menggunakan kaedah secara mengaji ‘berbalik’ dan secara ‘berbeluh’.

Teknik mengajar secara mengaji berbalik adalah adalah seramai dua, tiga orang atau lebih murid Haji Muhammad akan membaca al-Quran secara serentak dalam suatu masa, kemudiannya jika terdapat kesalahan pada bacaan murid-muridnya tersebut beliau akan membetulkan kesalahan tersebut satu demi satu pada waktu itu juga. Teknik mengajar secara berbeluh pula adalah Haji Muhammad mengajar al-Quran dengan beliau sendiri yang membaca ayat-ayat al-Quran lalu diikuti oleh para muridnya. Teknik secara berbeluh ini diulang bacaan sebanyak beberapa kali.

Kebanyakan penuntut yang belajar dengan Haji Muhammad datang belajar dengan beliau belajar secara mengaji berbalik meskipun begitu, ramai juga yang belajar dengan beliau secara berbeluh kerana kebanyakan penuntut yang datang menuntut ilmu dengan beliau sudah mahir dalam pembacaan al-Quran mengikut kaedah riwayat Imam *Hafs 'An 'Asim*. Tujuan para penuntut yang telah mahir dalam bacaan al-Quran adalah untuk mempelajari ilmu bacaan qiraat al-Quran yang lain-lain serta memperbaiki ketepatan dalam sebutan huruf dan tajwid al-Quran.

Selain daripada itu, Haji Muhammad juga turut menggunakan kaedah-kaedah yang digunakan oleh kebanyakan para guru al-Quran sejak zaman berzaman. Antara kaedah yang digunakan oleh beliau adalah kaedah *talaqqi musyafahah* iaitu suatu kaedah dilaksanakan melalui bersemuka atau berurusan dengan guru<sup>23</sup>. Haji Muhammad membaca di hadapan pelajar dan diikuti oleh para pelajar. Kemudian para pelajar membaca sambil beliau membetulkan kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan oleh para pelajar. Melalui kaedah ini, Haji Muhammad membaca dengan bacaan *murattal* iaitu cara bacaan secara nada yang lambat mengikut hukum tajwid dengan sempurna.

#### 4. Perkembangan Pondok

<sup>22</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

<sup>23</sup> Abdullah, Salamon, “*Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif : Satu Kajian Di Kuala Lumpur dan Terengganu*”, 2005.



Penubuhan pondok beliau pada tahun 1340 hijrah bersamaan 1922 masihi di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu. Penubuhan pondok beliau seiring dengan perkembangan pengajian pondok di Kelantan pada ketika itu. Pada ketika itu, terdapat banyak pusat pengajian pondok seperti Pondok Haji Abdullah Tahir, Bunut Payong dan Pondok Kenali. Pondok Haji Muhammad berkembang dengan baik selama hampir 20 tahun dengan wujudnya pertambahan pelajar serta perluasan kawasan pondok. Malangnya, setelah pihak Jepun menduduki Tanah Melayu sekitar tahun 1943, pusat pengajian pondok yang telah beliau bangunkan sekian lama terpaksa dirobuhkan. Bermula pada saat itulah, beliau hanya mengajar di surau, masjid dan menerima jempukan untuk mengajar sahaja.<sup>24</sup>

## 5. Keagamaan dan kemasyarakatan

Selain mengajar al-Quran, kitab-kitab agama dan mengarang kitab di pondok beliau, Haji Muhammad juga bergiat aktif dalam hal-hal keagamaan yang melibat masyarakat umum seperti menjadi rujukan masyarakat dalam permasalahan yang melibatkan hukum-hukum agama dan menyempurnakan urusan-urusan agama. Haji Muhammad juga aktif melibatkan diri dalam mengepalai penduduk menuntut hak masyarakat setempat dalam urusan pemecahan mukim baru untuk tujuan pembinaan masjid. Pada waktu itu, pertambahan penduduk semakin meningkat dan orang ramai terpaksa berjalan kaki jauh ke masjid Mukim Kota semata-mata mahu menunaikan solat jumaat. Haji Muhammad berpandangan bahawa menjadi suatu keperluan mendesak kepada masyarakat untuk mewujudkan satu mukim baru yang merupakan pecahan daripada mukim Kota.

Beliau berusaha bertungkus lumus sepenuh tenaga mengerah keringat dan buah fikiran bagi mendapatkan kelulusan dan sokongan daripada pihak Majlis Ugama Islam untuk menubuhkan sebuah mukim baru bagi memberikan kemudahan dan keselesaan masyarakat di kariahnya untuk melakukan ibadat. Akhirnya, berkat hasil usaha yang dilakukan oleh beliau, Mukim Pintu Geng berjaya mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Ugama Islam dan beliau terus dilantik oleh pihak Majlis Ugama sebagai Imam Tua Pertama yang ditugaskan sebagai imam utama dan bertindak sebagai jurunikah.

Haji Muhammad juga turut menjadi rujukan masyarakat dalam hal-hal permasalahan agama terutamanya dalam persoalan fiqh. Selain itu, beliau juga mendapat kepercayaan masyarakat dalam menyempurnakan urusan keagamaan seperti mentahnik bayi yang baru lahir, memberikan nama kepada anak yang baru lahir, menetapkan arah kiblat bagi sesuatu tempat, mencari tempat sesuai menggali telaga, meletak tapak asas binaan seperti bangunan dan rumah, pengurusan jenazah, pembahagian harta pusaka dan sambutan hari-hari kebesaran Islam<sup>25</sup>.

Semasa hayat Haji Muhammad sepanjang tahun 1344 hingga 1381 hijrah bersamaan tahun 1926 hingga 1963 masihi, beliau sering dijemput oleh murid-murid beliau untuk menjadi imam dan khatib solat Jumaat di tempat-tempat anak murid beliau tinggal di sekitar Kelantan seperti di Kota Bharu, Tumpat, Pasir Puteh, Machang dan Kuala Krai.

## KITAB MUQADDIMAH AL-MUBTADI FI TAJWID AL-QURAN

Di samping mengajar dalam pembacaan al-Quran, Haji Muhammad juga turut tidak ketinggalan dalam menghasilkan karya beliau sendiri. Antara karya beliau yang masyhur adalah sebuah kitab yang membahaskan mengenai ilmu tajwid al-Quran serta turut memuatkan perbincangan ilmu qiraat dalam kitab tersebut yang dijadikan sebagai silibus utama dalam pengajaran ilmu tajwid al-Quran dan qiraat al-Quran beliau. Haji Muhammad telah

<sup>24</sup> Temubual dengan Che Yusof Abdul Rahman.

<sup>25</sup> Temubual dengan Ustaz Zainuddin bin Mahmood.

menghasilkan sebuah karya yang membahaskan berkenaan dengan ilmu tajwid al-Quran dan turut memasukkan perbahasan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu qiraat, ilmu fawasil, ilmu rasm dan lain-lain lagi.

Kitab yang dihasilkan oleh beliau adalah kitab *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran* yang telah selesai dikarang oleh beliau pada hari Selasa iaitu 08 Jamadil Awal 1341 Hijrah bersamaan 26 Disember 1922 masihi<sup>26</sup>. Kitab yang dihasilkan ini adalah merupakan silibus utama bagi pengajian ilmu tajwid al-Quran di pondok beliau. Bagi memastikan ketepatan fakta, huraian serta ulasan kitab yang dihasilkan, Haji Muhammad telah melakukan semakan dan telah mentashih kitab yang telah dihasilkan oleh beliau sendiri ini pada 21 Rejab 1374 hijrah bersamaan 15 Mac 1955 masihi. Semakan yang dilakukan terhadap kitab ini dijalankan dengan cermat dan penuh teliti.

Kitab ini telah diulang cetak dan diterbitkan pada kali yang keempat pada bulan Rejab 1374 Hijrah yang bersamaan bulan Mac 1955 Masihi. Pada kitab cetakan yang keempat, ia dicetak dengan ukuran 27cm X 19 cm oleh *al-Matba'ah al-Kamaliyyah*, Kelantan dengan kandungan teksnya 64 halaman tidak termasuk halaman *fihrisat* dan satu halaman penuh yang memaparkan soal jawab berkenaan dengan persoalan-persoalan dalam ilmu tajwid al-Quran dan ilmu qiraat yang ditulis menggunakan tulisan tangan Haji Muhammad sendiri. Kitab ini juga telah dibentangkan oleh Haji Muhammad kepada beberapa orang tokoh ilmuan negeri Kelantan pada ketika itu iaitu Al-Fadhil Tuan Guru Haji Ahmad Hafaz Quran Imam Masjid Besar Kota Bharu, Al-Fadhil Tuan Guru Haji Nik Man Kota Bharu Kelantan<sup>27</sup>, Al-Fadhil al-Haj Idris Bin Sa'amah, Al-Fadhil Haji Encik Ismail Bin Muhammad Soleh dan Al-Fadhil al-Haj Encik Idris Mufti Negeri Kelantan dahulu.<sup>28</sup>

## 1. Metode Penulisan Kitab

Kitab *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran* ini mengandungi tujuh bab utama yang tidak merangkumi bahagian mukaddimah dan *khatimah*. Setiap bab disusun dengan penuh rapi dan diperincikan kepada beberapa fasal kecil yang menjelaskan perbahasan sesuatu topik. Pada setiap bab pula ia diperincikan dengan fasal-fasal, *tanbih* dan faedah yang menyentuh persoalan-persoalan yang lebih kecil dan rumit pada bab yang dibahaskan. Berdasarkan kepada keterangan tersebut, dengan jelas sekali bahawa perbahasan yang dilakukan oleh Haji Muhammad terhadap kitab beliau ini adalah sangat teratur dan memiliki metodologi penyusunan yang tersendiri.

---

<sup>26</sup> Muhammad bin Ahmad al-Kelantani, *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, (Kelantan : al-Matba'ah al-Kamaliyyah), 4.

<sup>27</sup> Beliau adalah Haji Nik Abdul Rahman Nik Kub telah dilahirkan pada tahun 1910 di Sungai Budor, Kota Bharu Kelantan. Haji Nik Abdul Rahman dilantik menjadi khatib di Masjid Muhammadi pada 1 Mac 1942 kemudian diangkat menjadi imam muda pada 1 Mei 1943 dan ahli majlis yang menjaga bahagian agama dan masjid-masjid. Beliau meninggal dunia pada 23 Feb 1960 pada jam 5.40 petang.

<sup>28</sup> Beliau adalah Dato' Haji Che Idris bin Haji Che Hassan merupakan ayah kepada Syeikh Abdul Rahman Idris al-Kelantani dan juga mufti Kelantan yang bergelar Dato'. Dilahirkan di Bandar Kota Bharu dalam tahun 1300H/1882M. Pada tahun 1312H, beliau pergi ke Mekah untuk belajar dan menuntut ilmu di Masjidil Haram serta berguru dengan Syeikh Wan Ahmad al-Fatani, Tok Kenali dan lain-lain. Beliau amat dikenali sebagai pelajar yang cerdas di mana juga disebut "sikit belajar banyak boleh". Beliau pada awalnya dilantik menjadi anggota Majlis Agama Islam Kelantan merangkap setiausaha Majlis Ulama (kini dikenali Jemaah Ulama Majlis) pada awal tahun 1920. Pada 5 Mac 1921, beliau telah dilantik sebagai mufti dimana secara sendirinya menjadi Yang Dipertua Majlis Ulama. Gelaran Dato' Mufti telah diberikan kepada beliau pada 23 Julai 1921 dan empat tahun kemudian beliau dikurniakan Darjah Kebesaran Dato Paduka Kelantan yang membawa gelaran Dato'. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada jam 3.00 petang, 20 Jamadilakhir 1346 bersamaan 14 Disember 1927 ketika berumur 46 tahun setelah mengalami demam selama enam hari.

## 2. Penggunaan Bahasa, Tulisan dan Gaya Bahasa

Secara umumnya, gaya bahasa yang digunakan adalah bahasa melayu dengan menggunakan tulisan jawi mengikut ejaan jawi klasik dan sebahagiannya Haji Muhammad menggunakan bahasa arab yang sebahagiannya sahaja disusuli dengan terjemahan perkataan. Meskipun menggunakan ejaan tulisan jawi klasik, Haji Muhammad turut menerapkan nilai kemodenan dalam penulisan kitab beliau yang menggunakan nota kaki, titik noktah, tanda koma, gambar rajah, jadual dan lain-lain. Keadaan ini jelas dapat membezakan antara kitab karangan beliau dengan kitab-kitab yang lain.

Merujuk kepada aspek penggunaan bahasa dalam penulisan pula, ia menggunakan gaya bahasa mengikut gaya penulisan dalam bahasa arab yang diterjemahkan secara kalimah demi kalimah. Penggunaan gaya bahasa seperti ini bukan sahaja digunakan oleh Haji Muhammad bahkan ia turut diaplikasikan oleh tokoh-tokoh ulama yang lain di dalam karya-karya mereka. Terdapat juga percampuran penggunaan kalimah antara kalimah bahasa melayu dan kalimah bahasa arab khususnya kalimah-kalimah yang terus digunakan dalam bahasa arab tanpa diterjemahkan ke bahasa melayu. Contohnya boleh dilihat pada penggunaan beberapa kalimah Arab dalam ayat di bawah:

“Ketiga *wasal ta’awuz* dengan *basmalah* dan *waqaf* atasnya dan jangan *disakin mim (al-Rahim)* dan jangan *diikhfa’*kan dia.”<sup>29</sup>

Percampuran kalimah Melayu-Arab yang berlaku ini dilihat seolah-olah tidak menepati gaya bahasa Melayu yang sebenar, namun hakikatnya ia adalah salah satu daripada metodologi penulisan yang telah disusun oleh pengarang bagi memastikan ketepatan maksud yang ingin disampaikan dalam huraian dengan maksud sebenar yang dikehendaki oleh pengarang. Penulis berpendapat, ia adalah merupakan salah satu keistimewaan yang terdapat pada kitab ini. Seorang perlu kepada penguasaan dalam istilah bahasa Arab dan bahasa Melayu serta ilmu yang cukup untuk memahami dan mendalami sesebuah kitab seperti kitab ini.

Istilah Arab dan perkataan Melayu klasik yang digunakan oleh Haji Muhammad dalam penulisan beliau memerlukan huraian dan penjelasan yang tepat agar tidak tersilap dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Antara perkataan yang digunakan adalah seperti *qaul*, *ijmak*, *tarqiq*, *tafkhim* dan lain-lain yang digunakan pada banyak tempat di dalam kitab beliau. Beliau turut menggunakan ayat-ayat yang ditulis dalam bahasa arab dalam menghuraikan perbincangan yang terkandung dalam sesebuah bab. Namun begitu, penggunaan ayat-ayat dalam bahasa arab tidaklah terlalu banyak seperti penggunaan istilah-istilah arab.

Selain itu, dialek masyarakat setempat juga turut dimasukkan di dalam penulisan kitab Haji Muhammad iaitu dialek Kelantan. Haji Muhammad menggunakan istilah yang hanya difahami oleh masyarakat Kelantan seperti istilah “*telor*” yang membawa maksud pelat.

## 3. Matan Syair Atau Bait Nazam Sebagai Hujah Keterangan

Selain daripada mengemukakan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith sebagai hujah pengukuhan dan contoh dalam perbincangan yang dikemukakan, Haji Muhammad juga turut menyatakan ungkapan nazam dan bait syair arab yang dihasilkan oleh para ulama sebagai keterangan dan hujah terhadap sesuatu perkara yang dibahaskan. Apabila mengemukakan

---

<sup>29</sup> *Muqaddimah al-Muhtadi Fi Tajwid al-Quran*, 3.

nazam atau syair dalam bahasa Arab, beliau juga turut memberikan terjemahan syair-syair tersebut dalam bahasa Melayu dan menyandarkan kepada nazam atau syair tersebut kepada pemilikinya. Bukan itu sahaja, nazam atau bait syair tersebut turut menjelaskan dengan ringkas berkenaan tentang sesuatu perkara seperti penjelasan berkenaan hukum bacaan dan kalimah-kalimah yang terlibat dengan kaedah atau cara bacaan yang tertentu.

Sebagai contoh adalah berkenaan dengan hukum membaca al-Quran secara bertajwid, pengarang telah mengemukakan bait syair yang telah disebutkan oleh Shaykh Abu Al-'Iz al-Qalanishiy sebagaimana berikut :

تجويده فرض كما الصلاة # جائت به الأخبار والآيات  
وجاحد التجويد فهو كافر # فدع هواه أنه لساخر

Maksudnya: “*Ertinya bermula tajwid akan dia yakni akan quran itu fardhu seperti sembahyang telah datang oleh akhbar dan ayat. Dan mengingkar akan tajwid itu maka iaitu kafir. Maka tinggallah olehmu akan hawa nafsunya kerana bahawasanya ialah yang rugi.*”

Contoh yang berkaitan dengan hukum bacaan pula adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh pengarang pada bab *al-waqf wa al-ibtida'* yang mana beliau menjelaskan mengenai hukum asal berkenaan dengan *waqaf* di dalam al-Quran yang tidak ada *waqaf* yang wajib dan tidak ada *waqaf* yang haram melainkan ia berpunca daripada beberapa sebab yang tertentu. Pengarang telah mengemukakan nazam arab daripada Shaykh Ibn al-Jazari iaitu :

وليس في القرآن من وقف وجب ولا حرام غير ما له سبب

Maksudnya: “*dan tiada di dalam quran itu daripada waqaf wajib dan tiada yang haram melainkan barang yang ada baginya sebab*”<sup>30</sup>

Nazam Shaykh Ibn al-Jazari yang dijadikan sebagai hujah ini diambil daripada salah sebuah kitab yang dikarang oleh Ibn al-Jazari iaitu kitab *Manzumah al-Jazariyyah Fi Ma Yajibu 'Ala al-Qari An Ya 'lamah* atau lebih dikenali dengan kitab *Muqaddimah al-Jazariyyah* yang merupakan salah sebuah kitab yang terkenal dalam bidang ilmu tajwid al-Quran.<sup>31</sup>

Contoh yang berkaitan dengan kalimah khusus yang terlibat dengan kaedah atau cara bacaan yang tertentu, pengarang menyatakan bait syair daripada Imam Syatibi r.h sebagai mana penjelasan beliau pada *fasal mad lazim* yang melibatkan huruf 'ain pada permulaan surah Maryam dan pada surah al-Syura iaitu :

وفي عين الوجهان والطول فضلا

Maksudnya: “*dan pada 'ain yang daripada (كهيعص) dan pada (حم عسق) itu dua wajah tawassut dan mad*”<sup>32</sup>

Bait nazam yang dinyatakan oleh Haji Muhammad dimbil daripada kitab *Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani* yang lebih popular dengan nama matan al-Syatibi.<sup>33</sup>

#### 4. Pendekatan Penulisan

<sup>30</sup> *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, 33.

<sup>31</sup> Ibn al-Jazari, *Muqaddimah al-Jazariyyah*, (Jeddah : Dar Nur al-Maktabat, 2006), 8.

<sup>32</sup> *Muqaddimah al-Jazariyyah*, 20.

<sup>33</sup> Al-Shatibiy, *Hirz al-Amani Wa Wajhu al-Tahani*, (Madinah : Maktabah Dar al-Huda, 2005), 35.

Pendekatan-pendekatan penulisan yang dilakukan oleh Haji Muhammad di dalam kitab *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, boleh dirumuskan kepada beberapa perkara berikut :

- a) Semua wajah bacaan yang diriwayatkan di dalam kitab *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran* adalah *mutawatirah* dan *sahihah*. Contoh beberapa wajah bacaan yang dinyatakan di dalam kitab ini adalah seperti pada kalimah ( ن والقلم ) yang dibaca dengan *izhar* oleh Imam Hafs ketika bacaan secara *wasal* ataupun *waqaf* manakala bagi Imam Warsy pula membaca dengan *idgham*.  
Wajah yang dinyatakan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Jazari di dalam kitab *Thayyibah al-Nasyr* :

كنون لا قالون يلهث # حرم لهم نال خلافهم روى<sup>34</sup>

- b) Penulisan yang dilakukan dengan penuh ketelitian dan telah dirancang dengan sebaik mungkin. Buktinya boleh diperhatikan kepada persembahan yang tersusun dan perbahasan mengikut bab serta fasal yang dilengkapi dengan *tanbih* dan *faedah*. Contohnya adalah pada bab *ahkam mad wa al-qasr*, beliau membahagikan kepada beberapa fasal iaitu *fasal mad muttasil* dan *munfasil*, *fasal mad lazim* dan *fasal mad 'aridh* yang dilengkapi dengan *faedah* dan *tanbih*.
- c) Meletakkan perbahasan dibawah tajuk-tajuk yang sesuai dan tepat dengan perbahasan yang dikemukakan.
- d) Hanya sebahagian ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan surah dan ayat-ayat al-Quran yang nyatakan tidak diletakkan baris.
- e) Penulisan ayat-ayat al-Quran tidak mengikut disiplin tulisan resam Uthmani. Hal ini dilihat amat ketara kerana Haji Muhammad mengguna resam *imla'ie* dalam mengemukakan hujah dan contoh daripada ayat-ayat al-Quran seperti yang ditulis oleh beliau pada ayat :

واذا قرء القرآن فاستمعوا له وانصتوا لعلكم ترحمون

Sedangkan mengikut kaedah resam Uthmani ia ditulis seperti di bawah :

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ<sup>35</sup>

- f) Penulisan *hadith-hadith* yang dijadikan hujah dan dalil dalam perbahasan dilakukan tanpa *takhrij*. Semua *hadith* yang dikemukakan tidak dilakukan *takhrij* oleh pengarang.
- g) *Hadith-hadith* yang dijadikan hujah bercampur aduk antara *hadis* yang sah dan *hadis* yang tidak sah. Malah terdapat juga *ahthar* daripada *sahabat nabi* yang dinyatakan sebagai *hadith*.
- h) *Bati-bait* matan yang dijadikan hujah perbahasan dihuraikan dengan bahasa yang mudah dan senang difahami.
- i) Isu-isu yang berkaitan dengan ilmu nahu, ilmu resam al-Quran, ilmu *fawasil* dan juga ulum al-Quran menjadi suatu agenda dalam penulisan kitab ini. Contohnya adalah berkaitan dengan perbahasan ilmu nahu dalam bahasa arab seperti pada bab *al-waqfu wa al ibtida'*, Haji Muhammad menjelaskan tentang *waqaf jaiz* dengan menghubungkannya dengan perbahasan ilmu nahu :

“*waqaf jaiz* itu iaitu harus *waqaf* atasnya dan harus meninggal akan dia pada umpama *وما انزل من قبلك* dan huruf *'ataf* dan

<sup>34</sup> Al-Jazari, *Thayyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyar*, (Madinah : Maktabah Dar al-Huda, 2005), 50.

<sup>35</sup> Surah al-A'raf : ayat 204.

menghendaki ia atas ketiadaan *waqaf* dan bahawa sesungguhnya mendahului *maf'ul* atas *fi 'il* itu menghendaki harus *waqaf* maka takdirnya *wallahua 'lam*.”<sup>36</sup>

- j) Memerangi perbuatan bidaah yang dilakukan oleh para pembaca al-Quran terutama yang melibatkan cara bacaan dan hukum-hukum tajwid. Antara perkara yang dinyatakan dengan tegas oleh pengarang adalah sebahagian pembaca al-Quran melampau dalam bacaan *qalqalah*, membaca hukum *ikhfa'* seolah-olah menyerupai *mad* dan melebihi harakat bacaan.<sup>37</sup>

Disamping itu, Haji Muhammad juga turut menghasilkan beberapa karya lain dalam lapangan bidang ilmu yang lain seperti dalam bidang fiqh dan berberapa permasalahan yang berkaitan dengan hal-hal semasa pada waktu itu. Namun begitu, oleh kerana karya penulisan beliau tidak disebar dan semuanya telah hilang daripada simpanan<sup>38</sup>. Selain daripada kitab *Muqaddimah al-Mubtadi*, terdapat juga sebuah naskhah al-Quran milik Haji Muhammad yang masih lagi disimpan dengan baik yang mana di dalam al-Quran tersebut terdapat penandaan pada ayat-ayat dan kalimah tertentu serta huraian berkenaan dengan bacaan qiraat bagi setiap imam dan perawi qiraat<sup>39</sup>.

Selain daripada menulis kitab, Haji Muhammad juga turut mengarang teks-teks khutbah Jumaat yang sesuai dengan situasi dan isu semasa dalam masyarakat setempat untuk dibaca di masjid-masjid samada dibaca oleh beliau sendiri atau dibaca oleh murid-murid beliau. Beliau mengarang dan menyediakan isi teks khutbah Jumaat sebelum tiba hari Jumaat pada setiap minggu.

## KESIMPULAN

Haji Muhammad adalah merupakan seorang tokoh yang telah banyak menyumbang bakti dan jasa dalam lapangan ilmu al-Quran. Sumbangan beliau dalam bidang pengajian al-Quran tidak terbatas kepada aspek pengajaran sahaja bahkan turut menghasilkan karya yang dijadikan rujukan hingga ke hari ini. Dalam dunia pengajaran ilmu al-Quran, beliau adalah merupakan seorang tokoh ulama di negeri Kelantan yang telah mencurahkan sumbangan yang sangat besar dalam sejarah perkembangan awal ilmu al-Quran dan intelektual masyarakat di negeri Kelantan. Segala jasa dan sumbangan dalam lapangan ilmu dan kemasyarakatan yang telah dicurahkan oleh Haji Muhammad khususnya dalam bidang pengajian dan pembelajaran al-Quran menggambarkan bahawa beliau telah banyak menghabiskan masa untuk berkhidmat kepada ilmu dan al-Quran. Walaupun terdapat pro dan kontra terhadap pandangan yang dikemukakan oleh beliau, ia sedikit pun tidak menjejaskan kredibiliti beliau sebagai tokoh ilmunan dalam bidang pengajian al-Quran.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdulllah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1994.

Abdullah, Salamon. “*Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif : Satu Kajian Di Kuala Lumpur dan Terengganu*”, 2005.

<sup>36</sup> *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, 42.

<sup>37</sup> *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, 52.

<sup>38</sup> Temubual dengan Che Yusuf Abdul Rahman.

<sup>39</sup> Temubual dengan Ustaz Rahimi Mahmood.

- Al-Jazari, Muhammad Ibn Muhammad. *Thayyibah al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyr*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda, (t.t)
- Al-Shatibiy Al-Qasim Ibn Firruh. *Hirz al-Amani wa wajah al-Tahani*. Madinah : Maktabah Dar al-Huda, (t.t)
- Ibn al-Jazari. *Muqaddimah al-Jazariyyah*, Jeddah : Dar Nur al-Maktabat, 2006.
- Ismail Haji Awang. Tokoh Ulama, *Majalah Pengasuh* : Bilangan 473 November -Disember, 1984.
- Ismail Mat. *Pengajian Agama Di Institusi Pondok Di Malaysia*, Bangi: Kongres Pendidikan Islam Malaysia, 1993.
- Ismail Che Daud. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (1)*, Kota Bharu : Majlis AgamaIslam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996.
- \_\_\_\_\_. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (1)* (Kota Bharu : Majlis AgamaIslam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012.
- \_\_\_\_\_. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)* (Kota Bharu : Majlis AgamaIslam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007.
- Ismail Awang. *Pengajian Dan Tafsir Al Qur'an*. Kota Bharu : Dian Darul Naim Sdn Bhd, 1987.
- Mustaffa Abdullah. *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009.
- Mustafa Abdullah dan Mohd Asmadi Yakob. *Pengajian Tafsir Di Kelantan : Satu Tinjauan Sejarah*. Jurnal Usuluddin, Bil. 17, 107-122.
- Muhammad Ahmad al-Kelantani. *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*, Kelantan: Matba'ah al-Kamliyyah, 1954.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah dan Perkembangan Ulama Kelantan : Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*. Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal.

### **Rujukan Temubual**

- Che Yusuf bin Abdul Rahman (murid kanan Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani) dalam temubual bersama penulis di kediaman beliau di kampung pintu Geng, Kota Bharu, 8 Jun 2013
- Zainuddin bin Mahmood (cucu Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani) dalam temubual bersama penulis di kediaman beliau di kampung Pintu Geng, Kota Bharu, 25 Mei 2013.
- Rahimi bin Mahmood (cucu Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani) dalam temubual bersama penulis di kediaman beliau di kampong Kota, Jalan Kota Bharu, 20 Jun 2013